



Photo Credit: Sarah Scriven

PENDEKATAN BIDANG KUASA BAGI PENSIJILAN RSPO

DOKUMEN SISTEM PENSIJILAN

Second Draft

Tajuk Dokumen : Pendekatan Bidang Kuasa Bagi Pensijilan RSPO
Kod Dokumen :
Skor :
Jenis Dokumen :
Kelulusan :
Hubungi : rspo@rspo.org

JADUAL KANDUNGAN

Kandungan

PENGHARGAAN	IV
SENARAI AKRONIM.....	5
GLOSARI	6
1. PENGENALAN	8
1.1 APAKAH PENDEKATAN BIDANG KUASA RSPO BAGI PENSIJILAN?.....	8
1.2 KENAPA PENDEKATAN BIDANG KUASA BAGI PENSIJILAN DILAKSANAKAN?	8
1.3 TUJUAN DOKUMEN INI.....	10
2. SKOP	11
2.1 SEMPADAN BIDANG KUASA	11
2.2 KEPERLUAN PENDEKATAN BIDANG KUASA.....	11
2.3 PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH	13
2.4 KEAHLIAN RSPO DALAM BIDANG KUASA	15
2.5 MEKANISME PEMBIAYAAN.....	16
3. PEMAKAIAN PIWAIAN & KEPERLUAN	17
3.1 PRESTASI TAHAP BIDANG KUASA	17
3.2 PIWAIAN RSPO YANG MANA DAN DIGUNA PAKAI OLEH SIAPA?	17
3.3 KEPERLUAN UMUM RSPO	19
4. KEPERLUAN SISTEM BIDANG KUASA	20
4.1 UNSUR 1: KEPERLUAN PENGURUSAN ENTITI BIDANG KUASA (JE)	20
4.2 UNSUR 2 RANGKA KERJA DASAR	21
4.3 UNSUR 3: SISTEM RUNGUTAN, ADUAN & RAYUAN PERINGKAT DALAMAN	23
5. PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN	24
5.1 KEPERLUAN PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH	24
5.2 MEMBUAT TUNTUTAN YANG DISAHKAN JE RSPO	26
6. KEPERLUAN-KEPERLUAN SISTEM PENSIJILAN	27
6.1 PRESTASI TAHAP LANDSKAP	27
6.2 PEMATUHAN DI TAHAP KEBUN KELUARGA, LADANG, KILANG DAN KEMUDAHAN	27
LAMPIRAN 1. VISI DAN TEORI PERUBAHAN RSPO.....	28
BIBLIOGRAFI.....	29

PENGHARGAAN

Second Draft

SENARAI AKRONIM

CB	Badan Pensijilan
CPO	Minyak Sawit Mentah
CSO	Pertubuhan Masyarakat Awam CSO
CSPO	Pensijilan Minyak Sawit Lestari
FFB	Buah Tandan Segar
FPIC	Keizinan berdasarkan Makluman Awal, Bebas dan Telus
HCS	Stok Karbon Tinggi
HCV	Nilai Pemuliharaan Tinggi
HFCC	Negara Berhutan Litup Tinggi
HFCL	Landskap Berhutan Litup Tinggi
HRD	Pejuang Hak Asasi Manusia
ICS	Sistem Kawalan Dalaman
ISH	Pekebun Kecil Bebas
JA	Pendekatan Bidang Kuasa
LUCA	Analisis Perubahan Penggunaan Tanah
MB	Jisim Imbangan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NI	Interpretasi Nasional
NPP	Tatacara Penanaman Baharu
PKO	Minyak Isirong Sawit
P&C	Prinsip dan Kriteria
RaCP	Prosedur Pemulihan dan Pampasan
RSPO	Rundingan Meja Bulat untuk Minyak Sawit Lestari
SEIA	Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar
SG	Terpisah
SOP	Prosedur Operasi Standard
ToC	Teori Perubahan

GLOSARI

Tempah dan Tuntut (Kredit RSPO)	Model yang menyokong pengeluaran produk minyak sawit lestari yang bersijil RSPO melalui pembelian Kredit RSPO. Satu Kredit RSPO mewakili satu tan metrik produk kelapa sawit lestari yang bersijil RSPO.
Badan Pensijilan (CB)	Sebuah badan bebas yang diakreditasi oleh badan akreditasi untuk RSPO bagi melaksanakan audit Pensijilan RSPO.
Tuntutan	Sebarang komunikasi kepada mana-mana kumpulan pihak berkepentingan dalam apa-apa format kehadiran produk minyak kelapa sawit lestari bersijil dalam produk atau kumpulan produk tertentu.
Identiti Terpelihara (IP)	Model rantaian bekalan Identiti Terpelihara (IP) menjamin bahawa produk minyak kelapa sawit bersijil RSPO yang sampai kepada pengguna akhir adalah unik untuk satu kilang tunggal yang bersijil RSPO dan pangkalan bekalannya yang sah.
Pekebun Kecil Bebas	Semua pekebun kecil yang tidak terlibat dengan Skim Pekebun Kecil adalah dianggap sebagai Pekebun Kecil bebas.
Bidang Kuasa	Bidang Kuasa ialah bidang pentadbiran kerajaan di mana sistem undang-undang digunakan sama ada oleh negara, negeri, wilayah atau daerah, dan diketuai oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa atau hak untuk memerintah, mentafsir dan menggunakan pakai undang-undang. Oleh yang demikian, Bidang Kuasa bertindak mengikut set peraturan yang menentukan mandat dan kuasa dalam perancangan, pembelanjawan dan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti.
Pendekatan Bidang Kuasa	Sejenis pengurusan landskap, bertujuan mengintegrasikan dasar dan mempraktikkan pelbagai keperluan bersaing, serta cabaran-cabaran para penanam dan pengilang (terutamanya pekebun kecil bebas dan penanam sederhana), selain pihak berkepentingan yang berkaitan untuk dimasukkan ke dalam sistem RSPO.
Entiti Bidang Kuasa (JE)	Persatuan, syarikat korporat, perkongsian, keempunyaan, amanah, atau individu yang mempunyai kedudukan undang-undang di mata undang-undang yang ditubuhkan dalam bidang kuasa masing-masing. Entiti undang-undang mempunyai keupayaan undang-undang untuk membuat perjanjian atau kontrak, memikul tanggungjawab, menanggung dan membayar hutang, mendakwa dan didakwa dalam hak sendiri dan dipertanggungjawabkan atas tindakannya ¹ .
Jisim Imbangan (MB)	Model rantaian bekalan yang membolehkan tuntutan yang disahkan dipindahkan daripada satu produk minyak kelapa sawit kepada produk yang lain sama ada menerusi adunan fizikal atau secara administratif di bawah keadaan yang dikawal ketat.
Tuntutan Bukan Produk	Tuntutan mengenai status keahlian bagi ahli individu dan/atau sokongan mereka terhadap sasaran RSPO.

¹ Business Dictionary, 2019, <http://www.businessdictionary.com/definition/legal-entity.html>

Produk Kelapa Sawit	Produk yang dihasilkan daripada kelapa sawit termasuklah buah dan isirungnya. Bergantung kepada konteks, frasa ‘produk kelapa sawit’ dalam dokumen ini juga boleh merujuk kepada produk seperti tempurung, isirung kelapa sawit, isirung peras asak, minyak sawit, minyak isirung kelapa sawit (PKO) atau produk-produk yang diperoleh daripadanya, asid lemak sawit (isirung) (P(K)FAD), olein, stearin atau produk-produk yang diperoleh daripada pemeringkatan minyak kelapa sawit dan minyak isirung kelapa sawit. Produk kelapa sawit juga boleh merujuk kepada produk-produk yang mengandungi mana-mana di atas.
Loji Penapis	Tapak pengeluaran yang memproses lemak dan minyak menjadi lemak dan minyak yang bernilai tinggi.
Produk Kelapa Sawit Bersijil RSPO	Sebarang produk yang mengandungi produk-produk kelapa sawit yang disahkan mematuhi Piawaian RSPO melalui keahlian RSPO individu dan/atau diperoleh dengan betul melalui model rantaian bekalan seperti ‘Identiti Terpelihara’ (IP), ‘Terpisah’ (SG) atau ‘Jisim Imbang’ (MB).
Skim Pekebun Kecil	Para petani pekebun kecil, pemilik tanah atau delegasi mereka yang tidak mempunyai: <ul style="list-style-type: none"> • Kuasa untuk membuat keputusan yang boleh dikuatkuaskan ke atas operasi tanah dan amalan pengeluaran dan/atau • Kebebasan untuk memilih bagaimana mereka hendak menggunakan tanah, jenis tanaman untuk ditanam, dan bagaimana mereka hendak menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka mengatur, mengurus dan membayai tanah tersebut).
Terpisah (SG)	Model rantaian bekalan Terpisah (SG) memberi keyakinan bahawa produk kelapa sawit bersijil RSPO yang sampai kepada pengguna akhir hanya datang daripada sumber-sumber yang telah disahkan oleh RSPO melalui pensijilan RSPO.
Pekebun Kecil	Para pekebun yang menanam kelapa sawit kadang kala turut mengerjakan tanaman lain secara seiring untuk sara hidup dan sebahagian besar buruh adalah terdiri daripada ahli keluarga dan ladang tersebut memberikan sumber pendapatan utama, dan selain itu kawasan tanaman kelapa sawit itu bersaiz di bawah 50 ha.
Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA)	Proses analisis dan perancangan akan dilaksanakan sebelum penanaman atau operasi baharu. Proses ini menggabungkan data alam sekitar dan sosial yang berkaitan, serta rundingan pihak-pihak berkepentingan bagi mengenal pasti potensi impak (secara langsung atau tidak langsung) dan untuk menentukan sama ada impak tersebut boleh ditangani dengan memuaskan, dengan itu penyokong juga akan menentukan tindakan khusus untuk meminimum dan mengurangkan potensi impak negatif.
Pihak-pihak Berkepentingan	Individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan yang sah dan boleh dibuktikan dalam atau yang akan terjejas secara langsung oleh aktiviti sesebuah organisasi dan akibat daripada aktiviti tersebut.

1. PENGENALAN

Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) merupakan inisiatif pelbagai pihak berkepentingan global untuk mempromosikan pengeluaran dan penggunaan minyak kelapa sawit yang lestari. Ahli-ahli RSPO dan para peserta dalam aktiviti-aktivitinya datang daripada pelbagai latar belakang, termasuk para pekebun, syarikat-syarikat perladangan, pengeluar dan peruncit produk kelapa sawit, badan bukan kerajaan (NGOs) berasaskan alam sekitar dan sosial, dan dari pelbagai negara yang menghasil atau menggunakan produk kelapa sawit.

Objektif utama RSPO adalah untuk mempromosikan penghasilan dan penggunaan minyak sawit lestari melalui kerjasama dalam rantai bekalan dan dialog terbuka dengan pihak-pihak berkepentingannya. Pensijilan RSPO ialah sebagai jaminan kepada pengguna bahawa pengeluaran minyak sawit adalah dijalankan secara lestari.

Pada tahun 2018, Teori Perubahan (ToC) RSPO telah mengenal pasti bahawa pendekatan bidang kuasa adalah salah satu daripada strategi utama dalam mencapai visi untuk menjadikan minyak sawit sebagai norma. (Rujuk Lampiran1). Di samping pendekatan pensijilan konvensyenal yang menumpukan kepada kilang dan pangkalan bekalannya, RSPO telah berusaha untuk mempertingkat pendekatan ini ke tahap bidang kuasa.

Dalam konteks produk kelapa sawit lestari, ia akan melibatkan pensijilan serta pengesahan penghasilan dan pengurusan. Pendekatan ini dirujuk sebagai Pendekatan Bidang Kuasa bagi Pensijilan (singkatannya JA). Oleh sebab skala dan kerumitan mana-mana bidang kuasa, maka sistem yang dicadangkan hendaklah bersifat praktikal, boleh dipercayai dan cukup kuat bagi membolehkan seluruh bidang kuasa mematuhi piawaian dan keperluan RSPO yang berkaitan.

1.1 APAKAH PENDEKATAN BIDANG KUASA RSPO BAGI PENSIJILAN?

Pendekatan Bidang Kuasa RSPO Kepada Pensijilan (JA) adalah pendekatan untuk meminimumkan impak negatif penanaman kelapa sawit kepada alam sekitar dan komuniti, pada skala kawasan pentadbiran kerajaan melalui pensijilan langkah demi langkah penghasilan dan pemprosesan produk kelapa sawit lestari di tahap bidang kuasa.

Ia melibatkan kemajuan berterusan ke arah i)mencapai tahap landskap tanpa penyahhutanan, tiada penanaman baharu di atas tanah gambut, memastikan keadaan kerja yang selamat dan memuaskan, dan menegakkan hak asasi manusia, serta ii)pensijilan penghasilan dan pemprosesan produk-produk kelapa sawit yang diurus dan disokong melalui entiti yang ditadbir oleh pelbagai pihak berkepentingan (dirujuk sebagai Entiti Bidang Kuasa (JE) dalam dokumen ini).

Pendekatan ini memerlukan kepimpinan, sokongan dan kerjasama kerajaan dalam memainkan peranan utama untuk memudahkan proses pelbagai pihak berkepentingan, menyediakan tadbir urus, peraturan dan rangka kerja secara keseluruhan bagi membawa ahli-ahli di dalam kawasan bidang kuasa untuk mematuhi piawaian RSPO secara berperingkat.

1.2 KENAPA PENDEKATAN BIDANG KUASA BAGI PENSIJILAN DILAKSANAKAN?

JA ialah sejenis pengurusan landskap yang menumpukan kepada keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh para penanam dan pengilang (terutamanya para pekebun kecil bebas dan penanam sederhana) serta pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan untuk dimasukkan ke dalam sistem RSPO. JA menyediakan pengurusan dan pendekatan yang lebih kos efektif (melalui penyatuan sumber dan usaha) dengan mengukuhkan keterlibatan pihak-pihak berkepentingan melalui penglibatan lebih kuat kerajaan dan meluaskan tindakan pihak-pihak berkepentingan untuk perubahan struktur ke atas topik yang melampaui keupayaan pengeluar tunggal mahupun rantai bekalan penuh.

Pendekatan Bidang Kuasa adalah untuk menangani penyahhutanan dan degradasi alam sekitar, serta mengukuhkan perlindungan sosial, terbit daripada komitmen utama sektor awam dan swasta sebagai cara untuk mencapai keputusan positif bagi penghasilan dan pemuliharaan yang bertanggungjawab. Ia menekankan kepada perkongsian pelbagai pihak berkepentingan untuk mengatasi cabaran persekitaran landskap/bidang kuasa, dan menumpukan kepada peringkat

politik di mana keputusan untuk penggunaan tanah dan dasar tadbir urus berkaitan untuk kelestarian dibuat dan dikuatkuasakan.

JA memegang kunci untuk mengukuhkan syarat-syarat yang membolehkan (enabling condition) yang terkunci di dalam dasar awam dan model perniagaan sambil memberikan faedah kepada para penghasil seperti peningkatan akses pasaran dan kewangan, mencipta pekerjaan, pengurangan kemiskinan, sumber asli yang banyak dan alam sekitar yang lebih sihat dan berdaya tahan.

Pendekatan Bidang Kuasa menyelaras beberapa proses dengan semua pihak berkepentingan yang terlibat, daripada kerajaan tempatan kepada para pemilik kilang besar hingga kepada pekebun berskala kecil. Contohnya, kerajaan dan syarikat-syarikat besar boleh membayar untuk pemetaan landskap dan pemantauan secara meluas. Ini dapat memastikan bahawa kebun keluarga tidak terletak di kawasan yang dilindungi dan para pekebun tidak menebang hutan primer dan hutan jana semula untuk mengembangkan ladang mereka. Ia juga dapat mengurangkan beban kewangan para pekebun kecil dan penanam sederhana untuk memenuhi keperluan bagi pensijilan.

Syarikat-syarikat juga menghargai potensi JA – khususnya penyumberan dan pensijilan bidang kuasa – bagi memudahkan kebolehkesanan dan pensijilan, dan untuk mengurangkan kos komitmen pensijilan melalui skala kecekapan. Pihak-pihak berkepentingan tempatan mengalu-alukan JA sebagai cara untuk memastikan pelbagai strategi dan langkah ke arah kelestarian dipunya dan dipertahankan oleh masyarakat serantau dan bukannya didesak dari luar.

JA berpotensi untuk menerajui dialog dan penumpuan matlamat bersama merentasi pihak-pihak berkepentingan perniagaan, kerajaan dan komuniti. Dengan tadbir urus, perancangan dan penguatkuasaan yang telah dikenal pasti sebagai faktor yang kritikal dan membataskan, maka peluang untuk berdialog dan pertumpuan adalah sangatlah bernilai kerana ia boleh mengubah hala, fokus dan/atau memberi tenaga kepada kerajaan.

Pendekatan ini juga merupakan satu langkah penting untuk bekerjasama untuk memperbaiki kehidupan para pekebun berskala kecil dan memulihara kawasan-kawasan hutan yang penting untuk biodiversiti dan persekitaran. Usaha sama ini juga membolehkan pendekatan ini untuk menyelesaikan masalah kelestarian di peringkat akar umbi, mengoptimumkan penggunaan sumber dan berkongsi kepakaran dalam bidang kuasa.

JA bergantung kepada dasar kerajaan bagi menyokong penghasilan minyak sawit yang bersijil RSPO di tahap bidang kuasa, dan institusi-institusi yang didukung kerajaan untuk melaksana dan menguatkuasakan JA.

Kesimpulannya, Pensijilan Bidang Kuasa akan mengikuti Prinsip dan Kriteria RSPO 2018, serta Piawaian RSPO yang lain. Walau bagaimanapun, cabarannya ialah P&K RSPO telah dibangunkan untuk konsesi ladang dan estet, atau para penanam dan pekebun kecil, dan bukannya untuk seluruh bidang kuasa. Bahkan proses Interpretasi Nasional juga tidak mempertimbangkan mengenai bidang kuasa. Ini bermakna faktor-faktor rumit dasar dan undang-undang kerajaan, yang mungkin membenarkan atau malah menggalakkan aktiviti-aktiviti tertentu yang tidak konsisten dengan pensijilan bidang kuasa RSPO perlu ditangani oleh RSPO untuk pertama kalinya. Di samping itu, mungkin terdapat pelaku dalam bidang kuasa yang tidak patuh dengan Pendekatan Bidang Kuasa, tetapi masih bertindak dalam lingkungan undang-undang, dan tindakan mereka boleh meletakkan pematuhan kelompok majoriti dalam risiko. Mengambil kira faktor-faktor tersebut, Kumpulan Kerja Bidang Kuasa RSPO telah bersetuju dengan rangka kerja yang berikut, tetapi mengambil maklum bahawa proses dan Piawaian yang baharu mungkin diperlukan untuk menangani cabaran-cabaran baharu yang bakal timbul.

1.3 TUJUAN DOKUMEN INI

Dokumen ini memberikan penjelasan mengenai keperluan untuk membolehkan Pendekatan Bidang Kuasa bagi Pensijilan RSPO. Ia merangkumi kejelasan mengenai unit pensijilan dan pengesahan; kesesuaian piawaian; keperluan dan prosedur RSPO yang berkaitan; dan keperluan dan sistem pengurusan; menonjolkan peranan kerajaan; pengesahan, tuntutan dan sistem kredit; serta keperluan sistem pensijilan untuk pensijilan bidang kuasa.

Dokumen ini disusun seperti berikut:

BAHAGIAN	KANDUNGAN
Bahagian 2. Skop	Konteks umum mengenai Pendekatan Bidang Kuasa bagi Pensijilan 2.1 Sempadan Bidang Kuasa 2.2 Keperluan Pendekatan Bidang Kuasa 2.3 Pendekatan Langkah demi langkah 2.4 Keahlian RSPO dalam Bidang Kuasa 2.5 Mekanisme Pembiayaan
Bahagian 3. Pemakaian Piawaian & Keperluan	3.1 Prestasi tahap Bidang Kuasa 3.2 Piawaian RSPO Yang Mana dan Diguna pakai oleh Siapa? 3.3 Keperluan Umum RSPO
Bahagian 4. Keperluan Sistem Bidang Kuasa	4.1 Unsur 1: Keperluan Pengurusan Entiti Bidang Kuasa 4.2 Unsur 2: Rangka kerja Dasar 4.3 Unsur 3: Rungutan dalaman, Sistem Aduan dan Rayuan
Bahagian 5. Pendekatan Langkah demi langkah untuk Membuat Tuntutan	5.1 Keperluan Pendekatan Langkah demi langkah 5.2 Membuat Tuntutan yang disahkan JE RSPO
Bahagian 6. Keperluan Proses Pensijilan	6.1 Prestasi tahap Landskap 6.2 Pematuhan Di tahap Kebun Keluarga, Ladang, Kilang dan Kemudahan

Nota:

Dokumen ini tidak menyediakan panduan am tentang bagaimana untuk membangunkan Pendekatan Bidang Kuasa

2. SKOP

Bahagian tentang skop ini menyediakan konteks umum mengenai rangka kerja Pendekatan Bidang Kuasa bagi Pensijilan: i) mentakrifkan sempadan Bidang Kuasa dan unit pensijilan; ii) apakah keperluan Pendekatan Bidang Kuasa; iii) mekanisme pengesahan dan tuntutan; dan iv) proses mewujudkan pematuhan dengan keperluan-keperluan yang berkaitan. Butiran terperinci mengenai keperluan telah dirangkum dalam bahagian-bahagian berikut dalam dokumen ini.

2.1 SEMPADAN BIDANG KUASA

Sempadan Bidang Kuasa ditakrifkan sebagai kawasan di mana pihak berkuasa tempatan (badan kerajaan) mempunyai perundungan, kawal selia, politik dan kuasa pentadbiran awam, dan oleh itu, memberinya kuasa yang mencukupi untuk menggunakan piawaian RSPO.

JA ialah Pendekatan Pensijilan Kumpulan yang menguntukkan komitmen undang-undang dan penguatkuasaan kepada Entiti Bidang Kuasa (JE), pusat pemudah cara dan badan pentadbiran yang akan menerima pakai Sistem Kawalan Dalaman untuk memudahkan pematuhan penuh terhadap piawaian RSPO.

Pendekatan ini meletakkan penekanan kepada para pengeluar FFB (estet dan pekebun individu), pengilang, kilang penghancur, loji penapis dan loji oleochemical untuk terus mengukuhkan amalan kelestarian mereka.

Pendekatan ini membolehkan para penanam individu disahkan terhadap Piawaian RSPO bersama sijil kumpulan atau individu berasingan, yang diadakan dan disokong oleh Entiti Bidang Kuasa (JE) secara berperingkat.

Para peserta industri individu (Ahli RSPO dalam Bidang Kuasa) bebas memilih untuk disijilkan sama ada melalui JE atau meneruskan pensijilan mereka sendiri di dalam sempadan Bidang Kuasa. Para peserta yang disijilkan secara persendirian, akan mempunyai akses kepada keseluruhan keupayaan persekitaran (enabling environment) yang disediakan oleh JE dalam Bidang Kuasa.

Dalam Bidang Kuasa yang besar, JE boleh memilih untuk menerapkan landskap demi landskap atau melalui unit pentadbiran yang lebih kecil.

2.2 KEPERLUAN PENDEKATAN BIDANG KUASA

JA RSPO memanfaatkan perkongsian dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk campur tangan dasar; insentif pasaran dan kewangan bagi mendahuluikan perancangan guna tanah untuk penghasilan secara berhati-hati dan perlindungan: HCV, HCS, tanah gambut dan kawasan perlindungan; hak asasi manusia; hak tanah; dan kehidupan yang lebih baik; kesejahteraan sosial; piawaian alam sekitar untuk semua pihak berkepentingan yang hidup dan bekerja di dalam dan di sekitar operasi kelapa sawit.

Oleh itu, keperluan JA telah dibangunkan sekitar:

- i. Struktur dan sistem pengurusan – keperluan penting bagi badan pemudah cara dan pentadbiran pusat (JE yang dirujuk dalam dokumen ini) & sistem pengurusan
- ii. Skala Impak – Prestasi Bidang Kuasa
- iii. Pendekatan langkah demi langkah (rujuk kepada Bahagian 5) – pensijilan & campur tangan pengawalseliaan

2.2.1 PERANAN ENTITI BIDANG KUASA: STRUKTUR & SISTEM PENGURUSAN

Kepimpinan, sokongan dan kerjasama kerajaan memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pelbagai pihak berkepentingan untuk mengukuhkan keseluruhan tadbir urus, peraturan dan rangka kerja untuk membawa semua orang mencapai standard yang sama, dengan itu memudahkan pematuhan terhadap piawaian RSPO. Ini dilaksanakan melalui penubuhan JE, yang bertanggungjawab untuk:

- i. Memastikan fungsi JE yang ditadbir oleh lembaga pelbagai pihak berkepentingan adalah berwibawa dan berkesan;
- ii. Memudahkan prosedur dan proses bidang kuasa, (iaitu HCV/HCS, RaCP), dimaklumkan oleh analisis jurang peraturan dan undang-undang bidang kuasa tempatan berbanding dengan Piawaian RSPO;
- iii. Mengendalikan, memantau, dan melaporkan prestasi pematuhan dengan penunjuk² aras landskap dan pematuhan kepada Piawaian RSPO oleh pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan;
- iv. Mewujudkan Sistem Kawalan Dalaman yang menyediakan pemerhatian dan kawalan (melalui sistem audit dalaman) dan untuk menjalankan penilaian dalaman ke atas prestasi semua penanam, pengilang, pemproses, dan pelaku rantaian bekalan ke arah mematuhi keperluan pengeluaran RSPO;
- v. Mewujudkan Rungutan dalaman, Sistem Aduan dan Rayuan bagi memastikan proses yang adil, telus dan saksama dalam mengendalikan dan menangani rungutan dalaman, aduan dan rayuan
- vi. Memberikan sokongan kepada semua pihak berkepentingan melalui latihan ke atas semua aspek pematuhan kepada Piawaian dan keperluan RSPO, insentif pasaran dan peraturan-peraturan kerajaan;
- vii. JE mempunyai kuasa untuk menentukan kelayakan keahlian dan menguatkuasakan penggantungan atau penamatkan ahli-ahli yang tidak patuh dalam Bidang Kuasa;
- viii. Pentauliahan audit luaran untuk pensijilan bidang kuasa.

Proses pelbagai pihak berkepentingan yang disokong oleh sistem pengurusan yang telus dan berwibawa adalah penting untuk JE berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Keperluan sistem pengurusan yang terperinci telah dirangkum dalam Bahagian 4 dokumen ini.

2.2.2 PRESTASI LANDSKAP – SKALA

Dengan mengusahakan JA, langkah-langkah alam sekitar dan sosial termasuk dalam penunjuk landskap, melangkaui kawasan penghasilan kelapa sawit, dan akan bergantung kepada pengurusan landskap yang berwibawa, holistik dan bersepadu pada skala keseluruhan bidang kuasa. Di samping memerlukan sistem pengurusan yang berwibawa, penunjuk aras landskap adalah penting untuk menilai impak dan pelaporan yang boleh dipercayai, ke arah kelestarian bidang kuasa.

Sememangnya menjadi cita-cita JA untuk menyediakan konteks di mana semua komoditi mendapat faedah daripada piawaian RSPO dan mengikuti pelan guna tanah bidang kuasa. Walau bagaimanapun, diakui bahawa JE yang ditubuhkan di bawah RSPO tidak boleh mengawasi tanaman bukan kelapa sawit dan tahap ketidakpatuhan tertentu (iaitu pembersihan HCV/HCS dll.) yang boleh diteruskan melalui pelesenan atau aktiviti haram untuk tanaman bukan kelapa sawit. Ini bermakna bahawa keperluan LUCA, RaCP, dan NPP hanya terpakai kepada kelapa sawit. Memandangkan terdapatnya kemungkinan ia boleh membatalkan keseluruhan pendekatan, diharapkan bahawa contoh positif yang ditetapkan oleh JA akan menjadi pemangkin kepada komoditi lain untuk diikuti, dengan menggunakan rangka kerja yang telah disediakan.

Langkah-langkah baharu untuk menilai kelestarian bidang kuasa, di mana pembangunan dan pengurusan lestari minyak sawit merupakan matlamat yang jelas, adalah diperlukan untuk menilai, melapor, mengesahkan dan membuat tuntutan mengenai kelestarian penhasilan kelapa sawit dalam konteks Bidang Kuasa. Langkah-

²Rujuk bahagian 5 dokumen untuk penunjuk landskap

langkah baharu ini dibangunkan mengikut Piawaian RSPO yang menyumbang untuk membawa impak positif kepada Planet, Manusia dan Kesejahteraan (tiga tiang utama Impak RSPO).

Rujuk Bahagian 3.1 dokumen ini untuk maklumat dan penerangan terperinci.

2.3 PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH

Memandangkan skala campur tangan yang diperlukan untuk pensijilan bidang kuasa adalah sangat tinggi, dan kadar kesediaan dan kepatuhan para pelaku yang selalunya berbeza dalam bidang kuasa, adalah perlu untuk mengambil pendekatan langkah demi langkah bagi mencapai pensijilan bidang kuasa penuh. Pendekatan langkah demi langkah membolehkan semua pengeluar FFB dan minyak kelapa sawit, serta pelaku rantaian bekalan, untuk memasuki sistem sama ada melalui keahlian individu (peringkat syarikat) atau keahlian JE. Pendekatan langkah demi langkah juga dapat memberikan masa untuk perubahan keinstitusian, dasar, peraturan dan pengurusan. Pendekatan ini direka bagi membenarkan masa untuk penambahbaikan dan kemajuan berterusan ke arah memenuhi semua keperluan oleh kesemua pengeluar dan pelaku rantaian bekalan, termasuklah mengukuhkan peranan kerajaan dalam sistem.

Keperluan-keperluan utama ialah:


- Lembaga Pelbagai Pihak Berkepentingan ditubuhkan dan diwakili pihak-pihak berkepentingan yang seimbang (kerajaan, para pengeluar, NGOs, jurucakap komuniti, dan para pelaku rantaian bekalan).
- JE ditubuhkan dengan kuasa undang-undang ke atas semua pengeluar dan menunjukkan kemajuan dalam memenuhi penunjuk landskap dan memastikan kepatuhan para pengeluar dan pelaku rantaian bekalan terhadap piawaiyan RSPO.
- Sistem kawalan dalaman yang berfungsi dengan telus dan berkesan, berserta dengan mekanisme rungutan dalaman dan aduan yang dibangunkan bagi memastikan tadbir urus JE yang berwibawa.
- Pematuhan terhadap prestasi/langkah landskap dan tatacara (seperti Tatacara Penanaman Baharu [NPP]) pada setiap langkah diukur dengan memenuhi semua keperluan langkah semasa dan semua langkah yang sedang dijalankan, selain pematuhan kepada piawaiyan yang diguna pakai.
- Mengamalkan amalan lestari dalam pengeluaran minyak sawit di peringkat ladang atau estet secara berperingkat.

Walaupun pensijilan bidang kuasa ialah proses yang beransur-ansur, empat langkah yang berbeza telah dikenal pasti untuk membolehkan kemajuan dipantau.

Pendekatan Langkah demi langkah adalah seperti yang berikut:

- a) **Langkah 1: Langkah Perintis**, apabila sesebuah bidang kuasa menetapkan bahawa mereka ingin mengambil pensijilan pendekatan bidang kuasa dan membuat kenyataan dasar awam dan / atau meletakkan peraturan-peraturan untuk menyokong objektif tersebut. Lembaga RSPO mestilah meluluskan permintaan bertulis bidang kuasa untuk dikenal pasti sebagai Perintis RSPO.
- b) **Langkah 2: Langkah Permohonan** dicapai apabila lembaga pelbagai pihak berkepentingan dan Entiti Bidang Kuasa (JE) telah ditubuhkan, dan pelbagai penunjuk landskap sedang dinilai. Langkah ini selesai apabila JE telah berjaya memohon kepada Unit Keahlian RSPO untuk menjadi ahli RSPO.
- c) **Langkah 3: Langkah Pelaksanaan** ialah apabila sistem kawalan dalam JE telah mantap dan keperluan untuk pensijilan RSPO sedang dilaksanakan. Langkah ini akan selesai apabila sebuah Badan Pensijilan yang bebas dan bertauliah telah melengkapkan audit penuh JE bagi pensijilan RSPO.
- d) **Langkah 4: Langkah Pensijilan**, ialah langkah terakhir dalam proses ini, yang mana para pengeluar, pemproses dan pelaku rantaian bekalan dalam bidang kuasa yang telah disahkan di bawah JE boleh berdagang produk-produk bersijilkan RSPO. Tuntutan pasaran boleh dibuat berdasarkan jumlah mengikut Peraturan RSPO terkini ke atas Komunikasi Pasaran dan Tuntutan.

Perincian langkah-langkah tersebut telah dikembangkan dalam Bahagian 5.



2.4 KEAHLIAN RSPO DALAM BIDANG KUASA

Sebaik sahaja bidang kuasa telah mematuhi prasyarat dan JE sudah boleh berfungsi, bidang kuasa dapat menyelaraskan proses pensijilan. Bidang kuasa akan melayan semua peserta (sedia ada dan yang berpotensi) sebagai Ahli JE termasuk peserta . Ahli JE akan dimaklumkan bahawa mereka mesti mematuhi Peraturan³ Kerajaan mengenai Keahlian JE mengikut keperluan seperti yang disebut di atas. Keahlian JE memerlukan ahli yang berpotensi untuk dianggap sama ada sebagai Ahli JE Sementara atau Ahli JE Bertauliah. Ahli JE yang bertauliah boleh menjadi salah satu daripada kategori sedia ada atau sebagai sebahagian daripada Kumpulan JE. Kategori yang mungkin dan syarat dan hak asas telah diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kategori-kategori yang mungkin, syarat dan hak asas

	<i>Tidak Mempunyai Sijil RSPO</i>	<i>Bersijil RSPO</i>			
	Ahli JE Sementara	Rantaian Penjagaan	Skim pekebun-kecil dengan kilang (bersijil)	Kumpulan Pekebun Kecil Bebas	Kumpulan JE
<i>Syarat-syarat dan hak-hak</i>	Patuh JE	Patuh JE	Patuh JE	Patuh JE	Patuh JE
	<i>Tidak Mempunyai Sijil RSPO</i>	Ahli RSPO	Dihubungkan dengan Ahli RSPO	Ahli RSPO	Ahli RSPO
	Tiada nombor sijil	Sijil RSPO Individu	Dihubungkan dengan Ahli RSPO	Sijil Kumpulan RSPO	Dihubungkan dengan Sijil Kumpulan JE RSPO
	Tidak boleh berdagang CSPO	Boleh berdagang	Boleh berdagang	Boleh berdagang	Boleh berdagang

Ahli RSPO sedia ada yang telah disijilkan boleh terus beroperasi seperti biasa atau menyertai Kumpulan JE. Seperti mana-mana pemegang sijil lain, ahli Kumpulan JE hanya boleh dianggap bertauliah setelah mereka dimasukkan dan disahkan melalui audit luaran RSPO. Pengurus Kumpulan JE akan memberikan sokongan untuk mencapai matlamat ini, dan hanya akan mencadangkan ahli kumpulan JE yang telah mencapai piawaian yang mencukupi (seperti yang telah ditetapkan melalui audit dalaman) untuk audit luaran. Ahli Kumpulan JE merujuk kepada mana-mana kategori peserta industri (iaitu penanam, pekebun kecil, pedagang, pemproses- besar-sederhana atau kecil)⁴. Ahli Kumpulan JE akan menerima akaun PalmTrace individu yang berkait dengan sijil Kumpulan JE. Ketidakpatuhan Ahli Kumpulan JE individu yang tidak dapat diselesaikan akan mengakibatkan hanya hak dagangan ahli itu yang akan digantung.

JE yang berdaftar secara sah akan menjadi Ahli RSPO, mewakili para penanam, pedagang dan pemproses, loji penapis, kilang penghancur dan mana-mana pihak-pihak berkepentingan berkaitan dalam Bidang Kuasa yang ditetapkan. Pihak-pihak berkepentingan yang diwakili dalam bidang kuasa merangkumi ahli RSPO dan bukan ahli RSPO.

Ahli RSPO dalam bidang kuasa boleh mendapatkan pensijilan mereka sendiri, sejurus, memanfaatkan prestasi tahap bidang kuasa. Sebagai alternatif, Ahli RSPO dalam bidang kuasa juga boleh membuat keputusan pengurusan untuk meneruskan pensijilan melalui ahli kumpulan yang diuruskan oleh JE.

³ Disyorkan bahawa Kerajaan meluluskan peraturan-peraturan tertentu berkenaan dengan keperluan JE.

⁴ Mengakui kesukaran untuk mengaudit kumpulan heterogen, keperluan Sistem RSPO untuk mengaudit Kumpulan JE mungkin perlu diperkemas bagi membolehkan strategi untuk menyelaraskan pematuhan pengauditan.

Bukan ahli RSPO dalam bidang kuasa boleh mendapatkan pensijilan melalui keahlian Kumpulan JE. Sebagai alternatif, bukan ahli RSPO boleh membuat keputusan pengurusan untuk mendapatkan pensijilan mereka sendiri dengan menjadi ahli RSPO dalam hak mereka sendiri.

1) Kumpulan JE sebagai satu ahli RSPO

Memandangkan para peserta dalam JE akan terdiri daripada para Penanam, Pedagang dan Pemproses, RSPO dikehendaki sama ada untuk membuat kategori keahlian yang baharu atau membenarkan para peserta JE untuk menjadi ahli-ahli individu. Pilihan pertama akan memerlukan RSPO untuk membuat kategori Keahlian yang baharu, iaitu: Ahli JE dengan hak-hak mengundi. Pentadbir JE bertanggungjawab untuk menghantar laporan ACOP mewakili semua ahli JE.

2) Kumpulan JE sebagai pelbagai ahli RSPO

Secara alternatif, RSPO boleh mengenal pasti peserta-peserta JE dalam rangka kerja keahlian RSPO yang sedia ada. Oleh kerana, ahli inividu RSPO di dalam bidang kuasatidak perlu melepaskan keahlian mereka, setiap peserta JE mungkin perlu menjadi Ahli RSPO individu dan mengekalkan identiti asal mereka, contohnya seperti para Penanam, Pedagang, dan Pemproses. Yuran Keahlian Ahli ini boleh diketepikan kerana mereka akan berada di bawah payung JE. Walau bagaimanapun, ahli individu perlu menyediakan laporan ACOP dan memberi komitmen kepada RSPO seperti juga ahli-ahli yang lain. Model yang terakhir ini boleh mengikat janji ahli untuk patuh kepada piawaian RSPO melampaui sempadan JE.

2.5 MEKANISME PEMBIAYAAN

Prinsip panduan JA ialah para penanam (atau kumpulan penanam) hendaklah dibenarkan untuk berdagang hasil pengeluaran mereka dan mengekalkan hasil jualan, dari kedua-dua jualan fizikal dan kredit PalmTrace, dengan itu mengekalkan insentif kewangan untuk individu dan kumpulan penanam bagi menyertai proses pensijilan RSPO. Sistem semasa ahli RSPO yang menerima pendapatan daripada perdagangan FFB dan kredit kelapa sawit akan diteruskan, dan sistem ini terpakai kepada bukan ahli RSPO yang diperakukan di bawah sijil Kumpulan JE yang mana setiap penanam / kumpulan akan dikeluarkan ‘nombor perdagangan’ bebas untuk menjana pendapatan jualan.

Ini akan memberi faedah kewangan kepada ahli kumpulan JE sebagai tambahan kepada penjimatan kos yang banyak yang diperoleh daripada menjadi ahli kumpulan JE (cth. pengurangan yuran audit, penilaian HCV dan HCS dilaksanakan secara berpusat, dll.).

Pembentukan Entiti Bidang Kuasa akan menjadi institusi yang berkesan (untuk mengawasi, melaksana dan menguatkuasakan pendekatan bidang kuasa bagi pensijilan RSPO), oleh itu ia tidak dijana melalui pendapatan daripada FFB, kelapa sawit atau jualan kredit ahlinya. Pembentukan JE akan selalu berbeza dalam setiap bidang kuasa, dan perlu dibiayai melalui beberapa mekanisme yang berpotensi termasuklah antara lain: i) sokongan belanjawan kerajaan secara langsung; ii) geran dari sektor awam dan swasta; iii) langganan dan yuran keahlian JE; iv) beberapa bahagian yuran perdagangan RSPO semasa akan dialihkan kepada JE.

3. PEMAKAIAN PIAWAIAN & KEPERLUAN

Ia adalah fundamental kepada integriti, kewibawaan dan kemajuan berterusan RSPO apabila setiap ahli menyokong, mempromosikan dan bekerja ke arah pengeluaran, pemerolehan dan penggunaan minyak sawit lestari. JA merupakan pelengkap yang penting kepada campur tangan di tahap ladang dan pemproses untuk mempromosikan dan mengukur kemajuan ke arah kelestarian. Bantuan teknikal, kewangan, penguatkuasaan undang-undang dan beberapa jenis campur tangan tahap Bidang Kuasa adalah penting untuk memacu perubahan di tahap ladang, pemproses dan landskap.

Langkah-langkah tahap Bidang Kuasa yang berdasarkan Piawaian RSPO dikehendaki untuk menyelaraskan proses dan campur tangan tahap Bidang Kuasa melalui pengukuhan keseluruhan tadbir urus, peraturan dan rangka kerja. Ini menyumbang kepada penyelarasan proses pengauditan dalaman dan luaran, pemantauan dan pelaporan untuk semua pihak berkepentingan merentasi keseluruhan bidang kuasa, sambil mengekalkan piawaian pensijilan yang tinggi.

3.1 PRESTASI TAHAP BIDANG KUASA

Penyelarasan proses atau campur tangan tahap bidang kuasa adalah kunci kepada kejayaan JA. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memastikan bahawa campur tangan dan/atau aktiviti tahap bidang kuasa dapat dilaksanakan dan diukur dengan betul. Jadual 2 dalam Bahagian 5.1 membentangkan keperluan-keperluan utama ke atas prestasi tahap bidang kuasa.

Kemajuan melalui pendekatan langkah demi langkah disahkan melalui audit luaran untuk memastikan ukuran bagi setiap langkah dapat dicapai.

3.2 PIAWAIAN RSPO YANG MANA DAN DIGUNA PAKAI OLEH SIAPA?

Bagi memastikan kredibiliti tuntutan kelestarian minyak sawit oleh Bidang Kuasa, pihak-pihak berkepentingan berkaitan dalam bidang kuasa yang mengambil pemilikan sah dan mengeluarkan atau mengendalikan produk kelapa sawit perlu diperakurkan oleh RSPO untuk membuat tuntutan dan dagangan CSPO. Keberkesanan “pengaliran utama” kelestarian untuk pengeluaran pada tahap bidang kuasa akan merangkumi kesemua (jika tidak semua) pihak-pihak berkepentingan dalam rantaian bekalannya.



JE akan melaksanakan Piawaian RSPO yang berkaitan dengan pelaku yang berbeza saiz dan ciri

- Prinsip & Kriteria RSPO untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari (RSPO P&C 2018)⁵
- Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO (RSPO ISS 2019)⁵
- Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO (RSPO SCCS)

Versi terkini dokumen di atas adalah terpakai.

⁵Dengan ketiadaan Tafsiran Kebangsaan, P&C generik dan Piawaian digunakan.

	Prinsip & Kriteria RSPO (P&C 2018)	Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO (ISS 2019)	Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO (SCCS)	
 Sektor yang kompetitif, berdaya tahan dan lestari	<ol style="list-style-type: none"> Berkelakuan secara beretika dan telus Beroperasi secara sah dan menghormati hak Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, kesan positif dan daya tahan 	<ol style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, kesan positif dan daya tahan 	Keperluan Rantaian Penjagaan Umum dan modul khusus adalah: Modul A – Identiti Terpelihara Modul B – Terpisah Modul C – Jisim Imbangan Modul D – Kilang CPO: IP Modul E – Kilang CPO: MB Modul F – Pensijilan Pelbagai Tapak Modul G – Pensijilan Kumpulan Rantaian Bekalan	
 Sumber pendapatan lestari dan pengurang kemiskinan	<ol style="list-style-type: none"> Hormati komuniti dan hak asasi manusia dan memberi manfaat Menyokong kemasukan pekebun kecil Hormati hak pekerja dan keadaan mereka 	<ol style="list-style-type: none"> Kesahan, mengormati Hak Tanah dan Kesejahteraan Komuniti Menghormati hak-hak asasi manusia, termasuklah hak pekerja dan keadaan mereka 		
 Eksosistem yang dipelihara, dilindungi dan ditambahbaik untuk generasi akan datang	<ol style="list-style-type: none"> Melindungi, memelihara, dan meningkatkan ekosistem dan alam sekitar 	<ol style="list-style-type: none"> Melindungi, memelihara, dan meningkatkan ekosistem dan alam sekitar 		
Diguna pakai oleh SIAPA?	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	 Kilang dengan pangkalan bekalan	 Estet	 Kilang Bebas	 Penghancur
	<img alt="Icon of a factory with palm trees" data-bbox="			

RSPO mempunyai piawaian khusus untuk para pekebun kecil bebas yang dibuat untuk menggalakkan pensijilan mereka. Ini boleh dipermudahkan lagi oleh JA.



SAYA SEORANG PEKEBUN KECIL BEBAS SEKIRANYA:

- ✓ Saya BUKAN **skim pekebun kecil** (lihat Glosari).
- ✓ Saiz keseluruhan kawasan pengeluaran kelapa sawit saya adalah
 - ≤ lebih kecil atau sama dengan 50 ha jika tiada ambang ditakrifkan dalam Interpretasi Nasional; OR
 - ≤ lebih kecil atau sama dengan saiz maksimum yang ditakrifkan dalam Interpretasi Nasional (cth. untuk Indonesia, ia bermakna saiz ambang 25 ha atau lebih rendah dan Ekuador 75 ha atau lebih rendah).
- ✓ Saya mempunyai kuasa menyeluruh untuk membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan ke atas operasi tanah dan amalan penhasilan dan/atau
- ✓ Saya mempunyai kebebasan untuk memilih bagaimana saya hendak menggunakan tanah, jenis tanaman untuk ditanam, dan bagaimana saya hendak menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka mengatur, menguruskan dan membayai tanah tersebut).
- ✓ Saya memenuhi apa-apa kriteria selanjutnya yang berkaitan dengan pemakaian piawaian ini seperti yang tertera dalam Interpretasi Nasional di negara saya

Sumber: Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO (2019)

3.3 KEPERLUAN UMUM RSPO

Keperluan umum RSPO yang terpakai kepada JE dan semua pengeluar dan pelaku rantaian bekalan adalah:

- ✓ Kemajuan Komunikasi Tahunan (ACOP) 2015⁶ (<http://acop-rspo-org/faq.php>)
- ✓ Tatacara Penanaman Baharu RSPO (NPP) 2015 (RSPO-PRO-T01-009 V1.0 ENG). Disahkan oleh Lembaga Gabenor pada 20hb November 2015
- ✓ Tatacara Pemulihan dan Pampasan RSPO (RSPO-PRO-T02-001 V2.0 ENG). Disahkan oleh BoG pada 16hb November 2015
- ✓ Dasar RSPO mengenai Perlindungan ke atas Pembela Hak-hak Asasi Manusia, Pemberi Maklumat, Pengadu dan Jurucakap Komuniti 2018 (RSPO-POL-T08-003 V1 ENG). Disahkan oleh Lembaga Gabenor pada 24hb September 2018.
- ✓ Kod Tatalaku RSPO untuk Ahli 2017 (RSPO PIL F02 001 V2.0 ENG), Disahkan oleh Perhimpunan Agung RSPO GA14, pada 30^{hb} November 2017 di Kuala Lumpur, Malaysia, mengambil kira peranan kerajaan.

Versi terkini dokumen di atas adalah terpakai.

Nota:

- i. Proses LUCA sedia ada boleh digunakan untuk liabiliti alam sekitar dan sosial.

⁶Keperluan pelaporan ACOP yang khusus akan dibangunkan dan terpakai untuk JE.

4. KEPERLUAN SISTEM BIDANG KUASA

Entiti Bidang Kuasa (JE) memainkan peranan penting dalam memastikan para pemain industri bergerak ke arah pensijilan dan pematuhan penuh dan distrukturkan dengan cara yang dapat memastikan sekat dan imbanginan yang kuat dalam bidang kuasanya. Tadbir urus yang berkesan dan dipercayai, perancangan dan pengurusan aras landskap serta penguatkuasaan adalah penting demi mencapai pensijilan bidang kuasa.

Seperti yang terkandung dalam Seksyen 2.2, antara lain, JE dikehendaki mematuhi Keperluan Sistem Bidang Kuasa. Tiga unsur berikut menggariskan keperluan-keperluan sistem bagi Pensijilan Bidang Kuasa:

Unsur 1: Keperluan Pengurusan Entiti Bidang Kuasa (JE)

Unsur 2: Rangka Kerja Dasar

Unsur 3: Rungutan Dalaman, Sistem Aduan & Rayuan

4.1 UNSUR 1: KEPERLUAN PENGURUSAN ENTITI BIDANG KUASA (JE)

Bagi membolehkan tercapainya hubungan perdagangan dalam transaksi berkaitan FFB & sijil-sijil minyak kelapa sawit entiti tersebut mengendong satu liabiliti, yang memerlukan ia didaftarkan secara sah.

Unsur 1.1 JE hendaklah dibentuk secara sah

- ✓ Menjadi satu entiti berdaftar seperti yang digariskan dalam undang-undang negara ia didaftarkan
- ✓ Telah melantik wakil-wakil pengurusan (sama ada individu atau institusi)
- ✓ Diberi kuasa oleh kerajaan untuk melaksanakan Piawaian RSPO terhadap semua pengeluar dan pemproses minyak kelapa sawit dalam bidang kuasa tersebut, sama ada melalui keahlian JE atau perjanjian perundungan
- ✓ Menjadi ahli RSPO (melalui Langkah 3)
- ✓ Telah menubuhkan dan mendokumenkan struktur dan statut organisasi yang jelas, menetapkan skop, fungsi dan kuasanya dengan jelas, dan memperincikan jawatan dan tanggungjawab semua kakitangan yang terlibat
- ✓ JE dapat menerangkan struktur, peranan, objektif dan fungsi-fungsi Entiti
- ✓ Semua kakitangan JE hendaklah mempamerkan komitment terhadap kesaksamaan
- ✓ Semua kakitangan JE hendaklah bebas daripada percanggahan kepentingan. Sebarang percanggahan yang berpotensi berlaku hendaklah dikenal pasti, diumumkan dan didokumenkan dengan betul, dan ditangani dengan cara yang telus dan boleh dipercayai.

Nota:

Kedaulatan kerajaan hendaklah diiktiraf.

Unsur 1.2 JE hendaklah ditadbir oleh Lembaga Penyeliaan Pelbagai Pihak Berkepentingan

- ✓ Lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan tersebut merangkumi perwakilan pemegang kepentingan yang seimbang (paling minimum, wakil kerajaan, NGO Sosial, NGO Alam Sekitar, pengeluar (pengilang, pekebun kecil, ladang dan pekerja) dan penggerak rantaian bekalan)
- ✓ Semua ahli lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan hendaklah komited dalam memastikan kesaksamaan dan bebas daripada percanggahan kepentingan dalam membuat keputusan
- ✓ Fungsi, peranan dan tanggungjawab kesemua ahli lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan hendaklah didokumenkan

- ✓ Mandat khusus lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan tersebut ialah memastikan JE diuruskan dengan baik dan prosedurnya teratur untuk menyemak semua aspek operasinya didokumenkan
- ✓ Lembaga penyeliaan pelbagai pihak berkepentingan hendaklah mendukung, sekurang-kurangnya, peranan dan tanggungjawab berikut:
 - Memastikan audit kewangan tahunan dilakukan untuk JE
 - Menyelia kestabilan dan kebolehlaksanaan kewangan JE
 - Memastikan pelaksanaan berkesan bagi semua prosedur dan proses
 - Memastikan kemajuan berterusan terhadap pensijilan dan pematuhan

Unsur 1.3 JE hendaklah berupaya membuktikan sumber dan kapasiti yang mencukupi untuk menguruskan JA dan penilaian prestasi mengikut Piawaian RSPO

- ✓ JE dan/atau kakitangannya hendaklah membuktikan daya saing dan pengetahuan dalam Piawaian RSPO
- ✓ JE hendaklah berupaya membuktikan daya saing dan pengetahuan dalam keperluan dan mekanisme pengawalan antarabangsa, kebangsaan dan/atau tempatan terpakai
- ✓ Membuktikan pelan perniagaan yang berkesan termasuk penjanaan pendapatan
- ✓ Sumber yang mencukupi (sumber manusia, kewangan, fizikal dan lain-lain)

Unsur 1.4 JE hendaklah berupaya membuktikan kapasiti yang mencukupi untuk mengawal, memantau dan menilai semua pemain utama mengenai pematuhan mereka kepada prestasi aras landskap dan Piawaian RSPO yang berkaitan

- ✓ Menguruskan Sistem Kawalan Dalaman (ICS)
- ✓ Menguruskan proses dan prosedur pengauditan dalaman
- ✓ Menguruskan Sistem Rungutan & Aduan Dalaman
- ✓ Memastikan pematuhan Piawaian RSPO dan prosedur
- ✓ Prosedur dan proses dalaman, termasuk penyimpanan rekod
- ✓ Memastikan tiada percanggahan kepentinganMemastikan audit kewangan bebas tahunan dijalankan

4.2 UNSUR 2: RANGKA KERJA DASAR

Unsur 2.1 JE hendaklah telah mendokumenkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur bagi pengurusan operasi

- ✓ Prosedur untuk membuat keputusan
- ✓ Dasar konsisten dengan semua keperluan RSPO, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Perlindungan Pembela Hak Manusia, Pemberi maklumat, Pengadu dan Jurucakap Komuniti
- ✓ Menegakkan komitmen terhadap kesaksamaan
- ✓ Pengurusan percanggahan kepentingan
- ✓ Struktur tadbir urus dan perlantikan ahli-ahli Lembaga Penyeliaan
- ✓ Fungsi, peranan dan tanggungjawab kakitangan JE dan Lembaga Penyeliaan
- ✓ Rakaman dan dokumentasi, dan penyimpanan rekod
- ✓ Menjalankan audit dalaman, termasuk daya saing dan pengetahuan auditor dalaman

- ✓ Menangani dan menyelesaikan rungutan & aduan
- ✓ Memantau dan melaporkan
- ✓ Proses perundingan
- ✓ Membuat belanjawan dan pembiayaan
- ✓ Prosedur untuk melaksanakan keperluan-keperluan RSPO lain yang berkenaan (i.e. NPP)
- ✓ Pengurusan aktiviti/majlis dari sumber luar

Unsur 2.2 JE hendaklah membangunkan dan melaksanakan sistem audit dalaman, yang termasuk, tetapi tidak secara eksklusif: prosedur, proses, garis masa, pelan operasi, pemantauan dan rekod penilaian.

- ✓ Prosedur untuk menyelenggara rekod terkini ahli-ahli kumpulan JE dan semua juruaudit dalaman mereka
- ✓ Semua ahli JE perlu diaudit secara dalaman terhadap Piawaian RSPO yang berkaitan sebelum menjalani audit luaran peringkat awal dan peringkat pensijilan semula.
- ✓ Persetujuan rasmi, ganjaran dan mekanisme latihan menggalakkan kemajuan progresif dan pematuhan oleh pengeluar dan penggerak rantaian bekalan
- ✓ Keperluan-keperluan berkenaan pematuhan dan pengetahuan juruaudit dalaman
- ✓ Prosedur-prosedur: metodologi, kriteria audit, kekerapan dan menyentuh isu ketidakakuratan
- ✓ Juruaudit dalaman mengumumkan tiada percanggahan kepentingan
- ✓ Memastikan kualiti audit dalaman. Panduan akan diberikan untuk audit dalaman.

Unsur 2.3 JE ICS hendaklah membangunkan dan melaksanakan satu sistem pemantauan dan pemberi maklumat yang berkesan bagi merekodkan maklumat tentang

- ✓ Membentuk dan melaksanakan satu sistem pemantauan dan mekanisme bagi HCV/HCS/gambut bagi seluruh wilayah bidang kuasa tetapi hanya untuk pematuhan ahli-ahli JE
- ✓ Membentuk garis asas dengan pelan kemajuan mengenai:
 - Prestasi aras landskap (penunjuk landskap)
 - Pematuhan pada peringkat ladang, pengurusan dan kemudahan terhadap Piawaian RSPO
 - Kemajuan pensijilan oleh ahli-ahli JE
- ✓ Penyimpanan rekod peta-peta (fail.shp) kawasan pengeluaran, bank tanah dan kemudahan-kemudahan milik semua ahli JE
- ✓ Memeriksa FFB dan semua pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit
- ✓ Mewujudkan rekod dan laporan data dan sistem pengurusan dokumen untuk:
 - Dokumentasi dan rakaman bukti bagi pematuhan terhadap Piawaian RSPO
 - Memudahkan akses kepada dokumen berkaitan dan rakaman bukti yang sesuai bagi pengauditan luaran
 - Pengauditan luaran keperluan-keperluan JA oleh CB yang bertauliah

4.3 UNSUR 3: SISTEM RUNGUTAN, ADUAN & RAYUAN PERINGKAT DALAMAN

JE hendaklah mempunyai mekanisme yang berkesan bagi rungutan selari dengan P&C 2018 4.2. JE dan Lembaga Penyeliaan hendaklah juga memastikan ada keupayaan yang telus, bebas dan boleh dipercayai untuk menerima, menyemak dan mengadili aduan dan rayuan, dan mengambil tindakan yang berkesan. JE boleh sama ada bergantung kepada Prosedur Aduan dan Rayuan RSPO sedia ada atau memastikan ada satu badan berasingan pada peringkat bidang kuasa untuk menangani aduan dan rayuan. Dalam kedua-dua kes, pihak-pihak terlibat mempunyai hak untuk mengajukan aduan dan rayuan kepada Panel Aduan RSPO yang mempunyai kuasa ke atas JE dan ahli-ahlinya memandangkan JE ialah ahli RSPO dan para ahli mempunyai kaitan dengan JE.

Bagi mengelakkan percanggahan kepentingan dalam prosedur aduan dan rayuan, akan ada badan berasingan untuk menguruskan aduan. Badan-badan Aduan dan Rayuan mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan ke atas ahli-ahlinya dan / atau menggantung keahlian. Mekanisme ini melengkapi dan tidak menggantikan sistem-sistem tempatan dalam Bidang Kuasa bagi penyelesaian pertikaian seperti ombudsman, badan-badan penimbangtaraan dan mahkamah.

- **Rungutan, aduan, dan rayuan:** JE hendaklah mempunyai prosedur yang didokumenkan bagi menangani rungutan, aduan, dan rayuan, termasuk:
 - Satu proses yang didokumenkan untuk menerima, menilai dan membuat keputusan tentang rungutan;
 - Ahli-ahli JE boleh membuat aduan sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan kesimpulan mekanisme rungutan tersebut, dan prosedur ini hendaklah didokumenkan;
 - Sebagai sebahagian daripada prosedur aduan, ia akan meliputi proses-proses untuk membuat rayuan dan proses ini hendaklah telus dan boleh diakses secara umum;
 - Data menunjukkan dan mengesan penerimaan, pengesahan, dan penyiasatan rungutan, aduan, dan rayuan;
 - Mendokumenkan keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan yang diambil untuk menyelesaikan rungutan, aduan, dan rayuan termasuk tindakan-tindakan untuk mengelakkan kejadian berulang.
- **Rayuan:** boleh dibuat berkaitan dengan keputusan yang diambil oleh panel aduan. Bukti berikut (paling minimum) diperlukan bagi menunjukkan proses menangani rayuan:
 - Panel aduan/rayuan hendaklah memberikan perakuan bertulis kepada pemohon (individu/entiti) mengenai penerimaan, progres, dan keputusan rayuan itu;
 - Keputusan yang hendak disampaikan kepada pemohon hendaklah dibuat dengan, atau disemak dan diluluskan oleh, ahli-ahli perseorangan panel aduan yang tidak terlibat dalam subjek permohonan tersebut;
 - Panel rayuan hendaklah memberi notis formal kepada perayu pada hujung proses pengendalian rayuan.

5. PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

5.1 KEPERLUAN PENDEKATAN LANGKAH DEMI LANGKAH

Setiap langkah mempunyai keperluan tersendiri terhadap sistem dan prestasi aras landskap, selain daripada pematuhan di peringkat kebun, ladang, kilang dan kemudahan oleh FBB dan pengeluar minyak kelapa sawit dan penggerak rantaian bekalan terhadap Piawaian RSPO (lihat Rajah 2).

Rajah 2. Pendekatan Langkah Demi Langkah untuk Pendekatan Bidang Kuasa bagi Keperluan-Keperluan Pensijilan

	Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4
Penunjuk Prestasi Sistem	<ul style="list-style-type: none"> I. Kumpulan pelbagai pihak berkepentingan ditubuhkan dengan mandat daripada pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan II. Pernyataan niat untuk mencapai pematuhan RSPO 100% diumumkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan. III. Pelan dibangunkan untuk: <ul style="list-style-type: none"> a. Penubuhan JE b. Polisi, sistem, prosedur berkaitan untuk menyokong Pendekatan Bidang Kuasa c. Pemetaan ruang semua pengeluar, pengilang, penapisan dan d. Pangkalan data maklumat tentang pengeluar, pemproses, dan penggerak rantaian bekalan dalam lingkungan Bidang Kuasa. 	<ul style="list-style-type: none"> I. JE ditubuhkan secara sah lengkap dengan lembaga pelbagai pihak berkepentingan (Elemen 1.1 dan 1.2 Keperluan-Keperluan Sistem) II. Sistem Kawalan Dalaman (ICS) JE dibentuk (lihat Elemen 2) III. Kawasan ditanami kelapa sawit dan bank tanah milik semua pengeluar, pengilang, penapis dan kemudahan-kemudahan penghancur dan penapis dipetakan mengikut ruang. IV. Pangkalan data mengenai pengeluar, pemproses, dan penggalak rantaian bekalan dalam lingkungan Bidang Kuasa dikumpulkan. 	<ul style="list-style-type: none"> I. Sistem Kawalan Dalaman JE (termasuk audit dalaman) sudah berfungsi (Elemen 2 – telah dilaksanakan sepenuhnya). II. Sistem kawalan kualiti tersedia dan rangka kerja dasar (Elemen 1 dan Elemen 2) III. Pelan tersedia untuk menubuhkan Mekanisme Rungutan, Aduan & Rayuan Dalaman (Elemen 3). IV. Pembiayaan berdaya maju dan prosedur perakaunan telus sudah tersedia. V. Kawasan tanaman kelapa sawit dan bank tanah ahli-ahli JE, dan satu pangkalan data terperinci diperlukan bagi pensijilan RSPO. VI. Keperluan-keperluan RSPO lain yang berkaitan telah dilaksanakan (cth.: ACOP (laporan kemajuan tahunan)) 	<p>JE berfungsi sepenuhnya (lihat seksyen 4)</p> <p>JE menerima pensijilan berkumpulan melalui audit luaran, mengikut Piawaian RSPO yang berkenaan.</p> <p>Pembahagian hak-hak berdagang kepada ahli-ahli kumpulan JE.</p>
Penunjuk Landskap-Prestasi	<p>Pelan dibangunkan untuk menjalankan dan/atau membina tahap bidang kuasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Prosedur bagi FPIC dan bagi pengecaman hak-hak tanah (perundangan, adat dan hak-hak pengguna) dibentuk 	<ul style="list-style-type: none"> I. Peta arah kawasan-kawasan tanah gambut, HCV dan HCS II. Tahap bidang kuasa zon-zon larangan atau ‘No-go’ zones (bagi pemuliharaan dan perlindungan) dipetakan. III. LUCA dilengkapkan dengan liabiliti (berpotensi) 	<ul style="list-style-type: none"> I. FPIC dan prosedur serta garis panduan pengecaman hak-hak tanah adalah tersedia dan sedang dilaksanakan. II. Perancangan ruang adalah tersedia, termasuk HCV, HCS, dan tanah gambut, dan keperluan-keperluan 	

	<p>II. Pemetaan HCV dan HCS berarah (selari dengan keperluan-keperluan RSPO), termasuk pemetaan tanah gambut</p> <p>III. Analisis Sejarah Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) berdasarkan dokumen panduan RSPO LUCA.</p> <p>IV. Analisis jurang perundangan perbezaan RSPO P&C dan undang-undang dan dasar-dasar bidang kuasa.</p> <p>V. Pengawalan mengenai penggunaan api, pencegahan api dan langkah-langkah kawalan</p>	<p>diumumkan dan tersedia kepada awam.</p> <p>IV. Prosedur-prosedur bagi pengecaman hak-hak tanah (perundangan, adat dan hak-hak kegunaan) dibentuk.</p> <p>V. Prosedur dan garis panduan FPIC dilengkapkan bagi Bidang Kuasa tersebut.</p> <p>VI. Pengawalan mengenai penggunaan api, pencegahan api dan langkah-langkah kawalan tersedia.</p> <p>VII. Jurang perundangan dikenal pasti pada perbezaan di antara RSPO P&C dan undang-undang dan dasar bidang kuasa.</p> <p>VIII. Penilaian isu-isu sosial dan persekitaran yang membatalkan kelayakan dan langkah-langkah yang diambil untuk menanganinya: termasuk, tiada penukaran HCV, HCS atau tanah gambut, dan pelanggaran hak-hak manusia yang serius dan, pengambilan tanah sistemik.</p>	<p>RaCP sedang dilaksanakan.</p> <p>III. Prosedur dan garis panduan SEIA sedang dilaksanakan.</p> <p>IV. Prosedur Penanaman Baru seperti mana keperluan-keperluan RSPO sedang dilaksanakan.</p> <p>V. Kriteria sosial dan persekitaran yang melucutkan kelayakan ditangani –jika tidak pensijilan tidak boleh diteruskan.</p>	
--	---	--	---	--

Nota:

- i. Garis panduan berkenaan pemetaan arah HCV dan HCS pada tahap bidang kuasa (mekanisme penilaian dan kawal selia) akan disediakan selari dengan penubuhan Prosedur HFCC dan HFCL oleh NDJSG. Sebagai langkah interim, usaha-usaha dan inisiatif pemetaan landskap tahap bidang kuasa yang sedia ada (metodologi, pendekatan) boleh diiktiraf.
- ii. Mekanisme RSPO sedia ada akan digunakan untuk mengesahkan keperluan-keperluan dalam setiap langkah. Titik pertama hubungan bagi sesebuah JE untuk menjadi ahli ialah Unit Keahlian RSPO. Unit-unit yang berkaitan dalam Sekretariat RSPO akan menjalankan pengesahan atas setiap keperluan.
- iii. SOP/mekanisme baru akan disediakan untuk proses pengesahan oleh Unit Keahlian RSPO bagi meluluskan pelengkapan Langkah 1. SOP tersebut hendaklah merangkumi garis masa kelulusan.
- iv. Audit dalaman penuh dikehendaki bagi semua penanam lebih 50ha, sementara prosedur audit dalaman pekebun kecil yang sedia ada dikekalkan.
- v. Bagi penunjuk landskap atau prestasi, gunakan Interpretasi Nasional, di mana ia diperoleh.
- vi. Rujukan hendaklah dibuat kepada panduan '*Scaling up the HCV Approach in Landscapes and Jurisdiction*' HCVRN bagi penuntuk prestasi landskap.

Patuhi garis panduan HCVRN untuk penilaian bidang kuasa HCV / HCS.

5.2 MEMBUAT TUNTUTAN YANG DISAHKAN JE RSPO

Mana-mana kumpulan berasingan produk minyak kelapa sawit yang patuh sijil RSPO boleh didagangkan melalui model-model rantaian bekalan ‘Tempah dan Tuntut’ (kredit), ‘Jisim Imbanan (MB), ‘Terpisah’ (SG) atau ‘Identiti Terpelihara’ (IP) melalui keahlian JE sebaik sahaja JE diperakui (Langkah 4).

JE akan diiktiraf oleh RSPO sebagai satu rintis JA apabila sampai ke Tahap 2 dan JE tersebut akan didaftarkan sebagai ahli RSPO apabila sampai di Tahap 3. Penyerahan dokumen dan kenyataan-kenyataan yang berkaitan sebagai bukti pematuhan terhadap keperluan langkah-langkah berkaitan yang disenaraikan kepada Sekretariat RSPO adalah wajib.

Tuntutan RSPO yang disahkan hendaklah mematuhi Peraturan Komunikasi Pasaran dan Tuntutan RSPO (terkini versi 2016) seperti yang dipaparkan dalam laman web RSPO.

Akan ada satu kategori khusus untuk melabelkan kredit dan produk-produk fizikal minyak kelapa sawit bersijil JE RSPO dalam PalmTrace dan pada sijil-sijil RSPO yang akan membezakan produk-produk minyak kelapa sawit dari ladang-ladang dan kilang-kilang Bersijil RSPO yang telah mendapat persijilan mereka sendiri melalui audit luaran RSPO biasa. Jumlah isipadu minyak kelapa sawit bersijil JE RSPO akan diasingkan daripada jumlah isipadu produk minyak kelapa sawit dari ladang dan kilang bersijil RSPO biasa dalam Sijil Rantaian bekalan RSPO.

Kredit-kredit bersijil JE RSPO akan dilabelkan sebagai JE-CSPO, JE-CSPKO, dan JE-CSPKE dalam PalmTrace. Kilang-kilang minyak kelapa sawit bersijil JE RSPO akan dilabelkan dengan jelas sebagai kilang MB-JE, SG-JE dan IP-JE dalam Sijil Rantaian bekalan RSPO.

Ahli-ahli JE yang merupakan ahli RSPO akan dibenarkan memilih untuk memperdagangkan produk-produk RSPO mereka sama ada sebagai ahli biasa RSPO atau sebagai ahli JE tetapi tidak boleh berdagang melalui kedua-dua laluan untuk mengelakkan pengiraan berganda isipadu.

Ahli-ahli JE yang bukan ahli RSPO akan dibenarkan memperdagangkan produk-produk bersijil JE RSPO mereka apabila JE sudah disahkan. RSPO akan mengeluarkan nombor dagang RSPO kepada setiap ahli sijil JE. Sijil JE akan menyenaraikan semua ahli JE yang hendak memperdagangkan produk-produk minyak kelapa sawit bersijil JE RSPO mereka dengan nombor dagang RSPO masing-masing.

Nota:

-
- i. Yuran keahlian hendaklah dibayar.
 - ii. Sektor keahlian akan ditentukan.
 - iii. Penglibatan JA di dalam badan-badan sokongan RSPO (iaitu jawatankuasa tetap, WG, TF, dll.) akan ditentukan lebih lanjut.

6. KEPERLUAN-KEPERLUAN SISTEM PENSIJILAN

Pendekatan langkah demi langkah telah diwujudkan untuk memperakui langkah-langkah munasabah ke arah pensijilan bidang kuasa.

Mekanisme jaminan (sistem pensijilan) JA dibina berdasarkan proses dan sistem RSPO sedia ada, dengan penambahan keperluan-keperluan dan elemen-elemen bagi tuntutan munasabah dibuat ke arah kelestarian pengeluaran dan bidang kuasa penggunaan. Sistem pensijilan ini merangkumi tiga elemen penting:

- I. Piawaian Pensijilan/Piawaian RSPO dan keperluan-keperluan berkaitan – rujuk Seksyen 3 dan Seksyen 5 dokumen ini.
- II. Keperluan-keperluan pentauliahan akan mematuhi sistem RSPO sedia ada dan akan disediakan oleh ASI.
- III. Pensijilan akan diteruskan berdasarkan Piawaian dan Sistem RSPO dan dijalankan oleh CBS yang bertauliah.

Keperluan-keperluan baharu untuk membolehkan proses pensijilan bidang kuasa termasuk:

- I. Memerlukan SOP baharu untuk unit keahlian RSPO menentukan prosedur-prosedur yang betul bagi membentuk JE sebagai ahli RSPO.
- II. PalmTrace mengenal pasti pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang yang merupakan ahli Pensijilan Kumpulan JE.
- III. Jawatankuasa Tetap bagi Jawatankuasa Piawaian dan Jaminan akan diperlukan, dari masa ke masa, untuk menilai mutu dokumen pensijilan JA.

6.1 PRESTASI TAHAP LANDSKAP


Dalam proses pengauditan, CB akan perlu memeriksa pematuhan meluas bidang kuasa dengan penunjuk prestasi landskap. Ini berbeza dengan audit Kumpulan JE di mana pensampelan mungkin digunakan, sebagaimana amalan pensijilan kumpulan ketika ini.

6.2 PEMATUHAN DI TAHAP KEBUN KELUARGA, LADANG, KILANG DAN KEMUDAHAN

Terdapat tiga sistem pensijilan yang diguna pakai:

- a) Dokumen Sistem Pensijilan RSPO bagi Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit Lestari [Akan disahkan oleh BoG suku pertama 2020]
- b) Sistem Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO akan disahkan oleh BoG dalam tahun 2020.
- c) Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO

LAMPIRAN 1. VISI DAN TEORI PERUBAHAN RSPO



Teori Perubahan RSPO (ToC) merupakan satu peta jalan yang menunjukkan bagaimana RSPO akan mencapai visinya dalam menjadikan kelestarian minyak kelapa sawit satu kebiasaan. Dengan sokongan daripada ahli-ahli, rakan kongsi dan para penggalak yang lain, RSPO akan melaksanakan strategi-strategi dan aktiviti-aktiviti utama untuk memacu transformasi sektor minyak kelapa sawit.

Strategi-strategi ini menyasarkan untuk menghasilkan output secara langsung dalam bentuk peningkatan penerimaan piawaian RSPO, sistem RSPO yang lebih telus dan inklusif, peningkatan pengambilan pasaran bagi minyak kelapa sawit lestari, dan penambahbaikan dalam pemungkinan alam sekitar.

Seterusnya, output ini akan menjurus kepada hasil yang dijangka dapat meningkatkan kualiti hidup pekebum kelapa sawit, membangunkan satu industri minyak kelapa sawit yang lebih makmur, dan membolehkan kita memulihara planet kita dan sumber-sumbernya dengan lebih baik.

Apabila ToC ini direalisasikan sepenuhnya, ia akan menghasilkan perubahan di bahagian yang paling penting – di atas tanah; ruang di mana kelapa sawit, alam sekitar, dan komuniti setempat boleh wujud bersama dengan harmoni.

The RSPO is an international non-profit organisation formed in 2004 with the objective to promote the growth and use of sustainable oil palm products through credible global standards and engagement of stakeholders.

www.rspo.org



Roundtable on Sustainable Palm Oil
Unit A-37-1, Level 37, Tower A
Menara UOA Bangsar
No.5 Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
T +603 2302 1500

Other Offices:
Jakarta, Indonesia
London, United Kingdom
Beijing, China
Bogota, Colombia
New York, USA

rspo@rspo.org